



KEMENTERIAN PENDIDIKAN
BAHAGIAN MATRIKULASI

**SOALAN LAZIM STRATEGI PENAWARAN TEMPAT KE
PROGRAM MATRIKULASI KEMENTERIAN PENDIDIKAN (KPM)
BAGI PELAJAR CEMERLANG SIJIL PELAJARAN MALAYSIA (SPM)
MULAI SESI 2026/2027**

S1. Apakah definisi pelajar cemerlang SPM 10A?

- J. Pelajar yang mendapat sekurang-kurangnya 10A, iaitu gred A-, A dan A+ sahaja dalam keputusan peperiksaan SPM tahun semasa.
-

S2. Adakah pelajar cemerlang SPM 10A dan ke atas ditawarkan secara automatik?

- J. **Ya.** Pelajar cemerlang SPM 10A (termasuk empat mata pelajaran yang dikira **merit** mengikut jurusan) yang **memohon** ke Program Matrikulasi KPM akan menerima tawaran secara automatik.
-

S3. Apakah yang dimaksudkan tawaran secara automatik?

- J. Tawaran secara automatik adalah tawaran ke Program Matrikulasi KPM yang diberi kepada pelajar cemerlang SPM 10A tanpa mengira kaum, latar belakang dan memenuhi syarat am serta syarat khusus yang ditetapkan.
-

S4. Adakah pelajar cemerlang SPM 10A yang tidak memohon layak dipertimbangkan untuk kemasukan ke Program Matrikulasi KPM secara automatik?

- J. **Tidak.** Hanya mereka yang memohon sahaja akan dipertimbangkan untuk ke Program Matrikulasi KPM.
-

S5. Adakah pelajar cemerlang SPM yang mengambil pakej KURANG daripada 10 mata pelajaran berpeluang mendapat tawaran secara automatik ke Program Matrikulasi KPM?

- J. **Tidak.** Pelajar yang mengambil pakej kurang daripada 10 mata pelajaran tidak ditawarkan secara automatik tetapi berpeluang untuk ditawarkan ke Program Matrikulasi KPM berdasarkan kekosongan tempat dan merit.
-

S6. Bagaimanakah kaedah penawaran pelajar cemerlang SPM 10A secara automatik dibuat?

J. Kaedah penawaran pelajar cemerlang SPM 10A secara automatik seperti contoh simulasi (Jurusan Sains) di bawah:

Mata pelajaran SPM	Keputusan SPM			
	Pelajar A (6A+, 4A)	Pelajar B (5A+, 3A, 2A-)	Pelajar C (4A+, 5A, 2A-, 1B+)	Pelajar D (4A+, 2A-, 3B+)
1. Bahasa Melayu	A+	A+	A+	A+
2. Bahasa Inggeris	A	A	A	A
3. Sejarah	A+	A+	A+	A+
4. Pendidikan Islam/ Moral	A+	A	A	A
5. Geografi	A	A	A	A
6. Bahasa Arab/ Cina/ Tamil/ Kadazan/Jepun	A	A-	A-	A-
7. Tasawur Islam/ Kesusasteraan Cina/ Kesusasteraan Tamil	-	-	A	A
8. Pendidikan Seni Visual	-	-	A	B+
Mata pelajaran yang dikira merit bagi Jurusan Sains*				
9. Matematik	A+	A+	A+	A+
10. Matematik Tambahan	A	A-	A-	B+
11. Kimia	A+	A+	B+	A
12. Fizik / Biologi	A+	A+	A+	A+

Keputusan tawaran:

- Pelajar A dan Pelajar B ditawarkan secara automatik ke Program Matrikulasi KPM.
- Pelajar C dan Pelajar D tidak ditawarkan secara automatik. Walau bagaimanapun, pelajar ini berpeluang mendapat tawaran berdasarkan kekosongan tempat dan merit.

***Nota:**

1. Contoh yang ditunjukkan adalah bagi Jurusan Sains sahaja. Soalan Lazim berkaitan strategi penawaran tempat ke Program Matrikulasi KPM bagi pelajar cemerlang SPM 10A mulai Sesi 2025/2026 hendaklah dibaca bersama-sama dengan Soalan Lazim Program Matrikulasi KPM.
2. Contoh simulasi selain Jurusan Sains adalah mengikut mata pelajaran yang dikira merit.

S7. Bagaimanakah pelajar boleh mendapatkan maklumat lanjut berkaitan Program Matrikulasi KPM?

- J. Maklumat lanjut berkaitan Program Matrikulasi KPM boleh dilayari melalui portal rasmi KPM (<https://www.moe.gov.my>)
-